

28/07/1999

Mahathir kritik tindakan media asing

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak sepenuhnya menolak apa yang dilaporkan media Barat, sebaliknya mengkritik sikap tidak bertanggungjawab media asing dalam melaporkan berita.

Menurut Perdana Menteri, media seharusnya memainkan fungsi mereka dalam melaporkan berita yang benar dan bukannya menggembar-gemburkan laporan tanpa mengambil kira kesahihannya.

Beliau bagaimanapun tidak bimbang dengan sikap yang ditunjukkan media asing terhadap keupayaan Malaysia kerana negara ini telah diuruskan dengan baik mengikut cara sendiri.

"Bak kata pepatah Melayu, ibarat anjing menyalak bukit (bermakna, perbuatan yang dilakukan dengan sia-sia)," katanya pada majlis dialog di antara media dengan ketua kerajaan di LID 99 di sini, hari ini.

Merujuk kepada laporan Cable News Network (CNN) mengenai tunjuk perasaan di Kuala Lumpur yang disiarkan berulang kali, Dr Mahathir berkata keadaan yang menunjukkan negara berada dalam keadaan huru-hara adalah tidak benar.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan kemasukan pelancong asing terjejas selepas mereka memutuskan untuk tidak melawat negara ini.

Bagaimanapun, kata beliau, ada laporan yang disiarkan media asing cukup menarik termasuk berita mengenai kesengsaraan yang dialami etnik Albania di Kosovo.

Mengenai pandangan beliau terhadap media tempatan, Perdana Menteri berkata: "Ada di antara media yang menunjukkan sokongan kepada kerajaan apabila sesuatu perkara yang dilakukan adalah benar. Media perlu menegur kerajaan jika mereka membuat kesalahan.

"Saya fikir kebenaran adalah penting. Kadang-kadang media tempatan melaporkan berita yang tidak benar," katanya sambil merujuk akhbar berbahasa Melayu, Cina dan Tamil.

(END)